

60 peratus rakyat Malaysia gemuk

M/S 3

KUALA LUMPUR - Sebanyak 60 peratus daripada rakyat Malaysia yang berusia 18 tahun ke atas didapati mengalami masalah berat badan berlebihan dan obesiti.

Lebih membimbangkan, masalah sama turut dikesan berlaku di kalangan remaja dan kanak-kanak dengan lebih 20 peratus daripada mereka mengalami masalah yang sama.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Liow Tiong Lai berkata, trend itu cukup membimbangkan kerana kegemukan berupaya menyumbang kepada gaya hidup yang tidak sihat di kalangan rakyat.

"Berdasarkan kiraan Indeks Jisim Badan (BMI), sebanyak 30 peratus rakyat Malaysia berusia 18 tahun ke atas mencatat bacaan 23 ke atas menandakan terlebih berat dan 30 peratus lagi bacaan 27.5 ke atas iaitu mengalami obesiti.

"Justeru hari ini (semalam) kita melancarkan Kempen Kurangkan Pengambilan Gula 2010 kerana gula antara penyumbang terbesar kepada masalah kegemukan," katanya pada sidang akhbar sempena majlis pelancaran kempen berkenaan di sini semalam.

Menurut Tiong Lai, berdasarkan taksiran Kementerian Kesihatan, secara purata setiap rakyat Malaysia mengambil sebanyak 10 sudu gula pasir dan susu sehari sebagai bahan minuman dan itu tidak termasuk gula yang terkandung pada bahan makanan.

Menurutnya, kuantiti gula yang diambil rakyat negara ini sebagai bahan minuman itu sahaja sudah melebihi had yang disyorkan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia iaitu kurang daripada tujuh sudu sehari.